

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA: 5(B)(XXII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

18. Punca pencemaran kualiti air Sungai Pinang telah dikenal pasti oleh agensi-agensi kerajaan terlibat sejak tahun-tahun lepas. Malangnya pencemaran Sungai Pinang berlaku berterusan dan menjadi semakin serius. Tindakan penguatkuasaan yang longgar selalu ditunding jari. Sila jelaskan dengan terperinci sama ada tindakan penguatkuasaan lebih ketat atau denda lebih berat akan diimplimentasikan.

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Terdapat banyak punca yang menyebabkan pencemaran sungai di Sungai Pinang. Antaranya kilang dan loji kumbahan yang melepaskan effluen ke Sungai Pinang dan tidak patuh terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Punca lain yang menyumbang kepada kualiti air Sungai Pinang ialah pelepasan dari aktiviti komersial seperti pasar basah, gerai, medan selera dan air kumbahan dari perumahan (*sullage*).

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkenaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) telah memainkan peranan dalam menguatkuasakan undang-undang bagi mengatasi masalah ini. Antara tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Bagi pembangunan yang melibatkan kerja tanah, JPS telah mensyaratkan kelulusan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) sebelum kerja tanah dimulakan. Satu Jawatankuasa Pasukan Khas (Ops

Lumpur) turut ditubuhkan pada 2016 untuk memantau kepatuhan dan penguatkuasaan tersebut;

- (ii) MBPP mengeluarkan pemberitahuan tentang kesalahan ke atas peniaga atau orang awam yang membuang sisa makanan/air basuhan ke dalam parit awam/anak sungai mengikut peruntukan undang-undang seperti berikut :-

JENIS KESALAHAN	UNDANG-UNDANG KECIL	KETERANGAN	AMAUN DENDA SETIAP KES (RM)
Melakukan kacau ganggu dalam anak sungai dan lain-lain. Mencemarkan sungai-sungai dan sebagainya	Seksyen 69	Akta Kerajaan Tempatan 1976	500
	UUK 15	Undang-undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1980	

- (iii) Jabatan Alam Sekitar melaksanakan tindakan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang seperti kompaun dan tindakan mahkamah sekiranya terdapat sebarang aduan pelepasan effluen ke dalam Sungai Pinang atau sebarang premis yang tidak patuh terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan

- (iv) Sekiranya didapati bersalah maka denda yang dikenakan adalah sebanyak RM100,000.00 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Buat masa ini, JAS sedang merangka akta baharu bagi menggantikan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Melalui akta baharu ini, amaun kompaun dan denda akan lebih tinggi di samping peraturan yang lebih ketat agar ianya menjadi pengajaran kepada pelaku pencemaran alam sekitar.